

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan cabaran yang menjadi halangan kepada implementasi insurans tanaman terutamanya bagi tanaman utama yang menjamin sekuriti makanan negara iaitu padi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memberikan penekanan terhadap keselamatan bekalan makanan negara dengan mengambil pelbagai langkah termasuk memastikan impak yang minimum terhadap bekalan makanan apabila berlaku bencana.

2. Langkah ini dilakukan melalui pengurusan risiko bencana bagi mengenal pasti, menilai dan memastikan supaya aktiviti pertanian dapat diteruskan. Antara mekanisme pengurusan risiko bencana adalah dengan menyediakan peruntukan bagi program seperti berikut:

- i. tabung bencana;
- ii. skim perlindungan insurans; atau
- iii. skim perlindungan takaful.

3. Setiap mekanisme tersebut mempunyai konsep yang berlainan, oleh itu pembangunan dan pelaksanaannya menghadapi cabaran yang berbeza. Cabaran yang paling ketara bagi skim perlindungan insurans dan takaful adalah keperluan kepada data sejarah (*historical data*) pengeluaran, kerugian dan data lain yang berkaitan serta analisis bagi sekurang-kurangnya 10 tahun terakhir. Proses ini juga memerlukan pengetahuan teknikal yang pada ketika ini hanya dapat diperolehi daripada pakar-pakar tertentu dalam industri. Dalam hal ini, MAFI telah bekerjasama bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan pihak industri untuk meneliti dan membangunkan mekanisme skim insurans/takaful.

4. Pada masa yang sama, bagi subsektor padi iaitu antara tanaman utama, MAFI menyediakan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) sebagai bantuan khas kepada petani yang mengalami pengeluaran padi luar jangka kesan daripada bencana seperti serangan penyakit, bencana alam dan lain-lain faktor yang tidak dapat dielakkan.

5. Bencana atau kejadian yang memberikan gangguan kepada aktiviti dan pengeluaran tanaman padi dan kehilangan hasil tersebut boleh berbangkit daripada perkara seperti berikut:

- i. kejadian bencana alam seperti banjir, ribut taufan, gempa bumi, tsunami, *El-Nino*, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh;
- ii. kejadian empangan/takungan air pecah;
- iii. penyakit tanaman padi yang bukan disebabkan oleh kecuaiian manusia; dan
- iv. lain-lain kejadian bencana yang diperaku dan diisytihar oleh Jabatan Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP).

6. Bantuan kewangan diberikan kepada pesawah mengikut keluasan penanaman dengan jumlah maksimum bantuan sebanyak tiga (3) hektar. Kadar bantuan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bantuan (RM/ Hektar)
1.	Bantuan Kerugian Hasil Padi *	1,800.00
2.	Bantuan Penanaman Semula Padi **	876.00
3.	Bantuan Input Tanaman Padi	Tertakluk kepada cadangan JK Teknikal

*Bantuan peringkat tanaman 71 -120 hari

**Bantuan peringkat tanaman 1-70 hari

7. Selain bertindak sebagai mekanisme pengurusan risiko bencana, Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) adalah merupakan sebahagian daripada bantuan sokongan kepada golongan sasaran dan juga sebagai inisiatif Kementerian ke arah mewujudkan program berbentuk *touch-point* khusus kepada pesawah padi. Sekian, terima kasih.